

**PENYERAHAN DOKUMEN BAGI SIJIL PENDAFTARAN  
SEMENTARA UNTUK PEGAWAI PERUBATAN SISWAZAH UD41  
(KONTRAK) BILANGAN 3/2024**

Dimaklumkan seramai **713** orang calon Pegawai Perubatan Siswazah UD41 (Kontrak) telah terpilih dalam **Program Transformasi Minda (PTM)** pada **tarikh 24 Jun 2024** dan nama calon yang telah disenarai pendek oleh Bahagian Sumber Manusia KKM boleh disemak melalui <https://mmc.gov.my/main.php>

**(PERMOHONAN UNTUK LANTIKAN KALI KEDUA (2))**

Tuan/Puan yang terlibat dengan sesi PTM tersebut dikehendaki MENGHANTAR DOKUMEN-DOKUMEN SEPERTI BERIKUT SECARA E-MEL KEPADA UNIT PENDAFTARAN SEMENTARA MPM KE ALAMAT E-MEL: [provisional@mmc.gov.my](mailto:provisional@mmc.gov.my)

**ATAU**

**(PERMOHONAN UNTUK LANTIKAN KALI PERTAMA (1) MELALUI MeRITS)**

**DOKUMEN YANG PERLU DIMUAT NAIK DALAM SISTEM MeRITS.**

- i. **Salinan Kad Pengenalan yang disahkan benar** bagi setiap halaman bercetak.
- ii. **Salinan Surat Tawaran dari KKM yang disahkan benar (*CERTIFIED TRUE COPY*)** bagi setiap halaman bercetak (**3 HELAIAN PERTAMA SAHAJA**)
- iii. **Salinan Ijazah Perubatan Atau Transkrip Akhir Perubatan** (ditandatangani oleh Presiden, Senat, Rektor atau Pendaftar Universiti) **yang disahkan benar bagi setiap halaman bercetak.**
- iv. **Terjemahan daripada Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM) (ASAL)** (Jika dokumen iii adalah selain daripada Bahasa Melayu/ Bahasa Inggeris)
- v. **Surat Akuan Sumpah (ASAL)** (Jika nama pada dokumen ii, iii & iv berbeza dengan nama pada Kad Pengenalan)

**Nota:** Sila rujuk garis panduan *MMC Guideline for Document Verification* (<https://mmc.gov.my/wp-content/uploads/2022/08/Guideline-doc-verify.pdf>)

bagi dokumen yang **disahkan benar.**

Tuan/puan boleh menyemak senarai nama di capaian <https://mmc.gov.my/main.php>.

Tuan/Puan juga dikehendaki menyemak **Tindakan Pengamal** yang tertera dalam SENARAI NAMA SESI PENYERAHAN DOKUMEN PENDAFTARAN SEMENTARA BIL. 3/2024 untuk tindakan penyerahan dokumen seperti berikut:

**BAGI ARAHAN: SILA E-MEL DOKUMEN PENYERAHAN DI E-MEL SEMENTARA**

Tuan/puan adalah **DIWAJIBKAN** mengemukakan dokumen penyerahan seperti yang tertera di atas melalui e-mel mulai pada tarikh **24 MEI 2024 HINGGA 14 JUN 2024**.

Sila **E-MEL** dokumen berkenaan ke alamat e-mel [provisional@mmc.gov.my](mailto:provisional@mmc.gov.my)

**ATAU**

**BAGI ARAHAN: SILA DAFTAR MASUK SEMULA (LOGIN) DAN MUATNAIK DOKUMEN PENYERAHAN MELALUI MeRITS**

Tuan/puan adalah **DIWAJIBKAN** mendaftar masuk semula (*LOGIN*), dan memohon *Provisional Registration Certificate* serta memuat naik dokumen penyerahan seperti di atas melalui Sistem *Medical Register Information and Technical System* (MeRITS) mulai pada tarikh **24 MEI 2024 HINGGA 14 JUN 2024**.

Sila ke pautan <http://meritsmmc.moh.gov.my/>

## **MAKLUMAN PENTING!!**

### **BAGI PENGAMAL YANG PERLU MENGEMUKAKAN DOKUMEN MELALUI E-MEL**

Sila E-MELKAN dokumen berkenaan ke alamat e-mel [provisional@mmc.gov.my](mailto:provisional@mmc.gov.my)

**SILA JANGAN DAFTAR MASUK (LOGIN) AKAUN MERITS** sebelum pihak tuan/puan menerima pemakluman emel berkenaan penerimaan dokumen oleh MPM. Selepas dimaklumkan oleh pihak MPM, pihak tuan/puan boleh mengakses Sistem *Medical Register Information and Technical System* (MeRITS) di laman <http://meritsmmc.moh.gov.my/> dan mendaftar masuk dengan memasukkan nombor Kad Pengenalan untuk mengaktifkan akaun MeRITS seperti tarikh yang ditetapkan.

- **Sijil Pendaftaran Sementara akan diserahkan melalui e-mel (*softcopy*) bagi pengamal yang telah berdaftar sementara (**untuk lantikan kali kedua (2)**).**
- **Sijil Pendaftaran Sementara yang dimuat turun dan dicetak sendiri adalah sah digunakan di sisi undang-undang.**

- Sila isi alamat (di bahagian Biodata) dengan maklumat yang betul di setiap bahagian **Address, Postcode, State Dan City** tanpa tanda **comma (,)** di penghujung perenggan dan pengulangan maklumat.

**Contoh Pengisian Alamat Yang Betul:**

Address	NO.26, JALAN 5/13A TAMAN BUKIT SETIA JAYA <b>(JANGAN ISI POSTCODE, STATE, CITY DI RUANG INI)</b>
Postcode	48000
State	SELANGOR
City	RAWANG

**PERINGATAN!**

**KEGAGALAN MENYERAHKAN DOKUMEN-DOKUMEN SEPERTI YANG DISENARAIKAN DALAM JANGKA MASA YANG DITETAPKAN BOLEH MENGAKIBATKAN PENGELUARAN **SIJIL PENDAFTARAN SEMENTARA** TUAN/PUAN TERGENDALA SEBELUM SESI PTM.**